

 JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN AUDIT NEGARA FAKTA AUDIT	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI International Islamic University Malaysia (IIUM)
Skop Pengauditan Pengauditan dijalankan terhadap tiga aktiviti utama iaitu pengajaran dan pembelajaran; projek pembangunan dan infrastruktur serta kemudahan kampus bagi tempoh tahun 2019 hingga September 2023. Pengauditan ini juga melibatkan lapan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022. Kenapa Perlu Diaudit IIUM tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak penubuhannya pada tahun 1983. IIUM menerima geran Kerajaan berjumlah RM4.859 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Pelaburan IIUM dalam subsidiari berjumlah RM32 juta.	Rumusan Audit IIUM telah mencapai objektif menawarkan program asasi, prasiswazah dan pascasiswazah dengan berjaya menghasilkan 81,767 graduan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2022 serta memberi bantuan kewangan kepada 33,381 pelajar bagi tempoh tahun 2013 hingga 2022. Objektif penubuhan lain untuk menyediakan dewan kuliah, bangunan dan kemudahan penjagaan kesihatan belum tercapai sepenuhnya kerana projek lewat disiapkan dan fasiliti tidak digunakan secara optimum. Terdapat kelemahan pengurusan aktiviti dan pembangunan projek serta tiada perancangan teliti daripada pihak pengurusan untuk menjana pendapatan melalui hartanah dimiliki dan aktiviti subsidiarinya. Kedudukan kewangan IIUM kurang stabil dengan kurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022 dan bergantung kepada geran Kerajaan. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Penemuan Audit • Bilangan pelajar tempatan berdaftar kurang berbanding penawaran iaitu 66%. • Penghutang pelajar luar negara tanpa tajaan berjumlah RM9.17 juta tertunggak melebihi 180 hari. • Sebanyak 125 (39.6%) daripada 316 hartanah belum dapat disewakan. • Kurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022. • 306 peralatan perubatan di hospital berjumlah RM12.34 juta tidak digunakan sejak tahun 2017 hingga Ogos 2023. • Pulangan dividen daripada subsidiari kepada IIUM adalah berjumlah RM1 juta berbanding suntikan modal berjumlah RM32 juta. • Tiga projek dilaksanakan oleh subsidiari lewat disiapkan dan satu projek tidak diteruskan.

Syor Audit

Mempertingkatkan daya saing IIUM sebagai universiti tempatan yang berwibawa dengan menjana pendapatan melalui pengurusan yuran pengajian atau fasiliti dan sewaan hartanah yang lebih cekap dan berkesan;

Meningkatkan pengurusan projek pembangunan dan menambah baik klausa perjanjian konsesi serta Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS) bagi menjaga kepentingan universiti;

Memastikan keputusan pematuhan Akta 586 dimuktamadkan dengan segera agar pengguna dapat memanfaatkan fasiliti kesihatan yang disediakan serta memantapkan amalan tadbir urus seperti Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat dan Audit Dalaman; dan

Memastikan subsidiari membayar dividen selaras dengan polisi IIUM dan memantau pengurusan projek secara menyeluruh.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

1. International Islamic University Malaysia

LATAR BELAKANG


1. International Islamic University Malaysia (IIUM) ditubuhkan pada 10 Mei 1983 di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan. Berdasarkan Perintah International Islamic University Malaysia (Penubuhan) 1983, IIUM telah diiktiraf sebagai sebuah universiti awam di bawah Seksyen 5A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT).

2. Objektif utama penubuhan IIUM adalah menawarkan program asasi, prasiswazah dan pascasiswazah; menyediakan dewan kuliah dan kemudahan penjagaan kesihatan; menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar; menjalankan penyelidikan komersial serta melaksanakan pelaburan hartanah atau sekuriti. IIUM melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran; projek pembangunan dan infrastruktur; menyediakan kemudahan kampus serta menjalankan penyelidikan.

Model Operasi

3. IIUM menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kementerian Kewangan (MOF) serta geran penyelidikan daripada KPT, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta pihak industri sebagai sumber pendapatan utama. IIUM menerima pendapatan lain seperti dana amanah, dana endowmen, yuran pengajian dan yuran mahallah. Model operasi IIUM seperti dalam **Carta 1**.

Carta 1: Model Operasi International Islamic University Malaysia



Sumber: Jabatan Audit Negara

PENEMUAN AUDIT 4. Pengauditan dijalankan bagi tempoh April hingga September 2023. Objektif, skop dan metodologi pengauditan seperti dalam **Lampiran 1**. Perkara yang ditemui serta maklum balas IIUM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 7 Mac 2024.

PRESTASI AKTIVITI

Prestasi Pengambilan Pelajar 5. Mengikut proses kerja yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik dan Kemasukan serta Pusat Pengajian Pascasiswazah, cadangan kursus perlu diluluskan dalam mesyuarat jabatan dan Pusat Pengajian sebelum penawaran kursus dibuat. Klausu 57 Perlembagaan IIUM menetapkan pelajar tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus pengajaran kecuali kelulusan Senat telah diperolehi.

6. Bagi tempoh tahun 2020 hingga Julai 2023, **bilangan pelajar tempatan berdaftar di IIUM adalah kurang berbanding penawaran iaitu 25,939 orang (66%). Pendaftaran pelajar luar negara pula seramai 1,701 orang (44.7%) berbanding penawaran.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Prestasi Pengambilan Pelajar Baharu Bagi Tahun 2020 Hingga Julai 2023

PERINGKAT PENGAJIAN	MOHON		TAWARAN (A)		DAFTAR (B)		PERATUS DAFTAR BERBANDING TAWARAN (%) (B)/(A)*100	
	TEMPATAN	LUAR NEGARA	TEMPATAN	LUAR NEGARA	TEMPATAN	LUAR NEGARA	TEMPATAN	LUAR NEGARA
Asasi	146,516	88	21,606	54	10,802	14	50.0	25.9
Ijazah Sarjana Muda	54,216	1,855	14,447	1,201	12,532	486	86.7	40.5
Ijazah Sarjana	3,444	1,876	2,627	1,434	2,108	648	80.2	45.2
Doktor Falsafah	795	1,405	642	1,119	497	553	77.4	49.4
JUMLAH KESELURUHAN	204,971	5,224	39,322	3,808	25,939	1,701	66.0	44.7

Sumber: Academic Management and Admission Division System dan Postgraduate System

Maklum balas IIUM

Pendaftaran kurang daripada penawaran disebabkan calon turut menerima tawaran daripada institusi lain yang menawarkan tajaan biasiswa dalam dan luar negara. Tarikh hebahan keputusan penawaran IIUM terikat dengan Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar yang agak lewat berbanding dengan tarikh hebahan keputusan penawaran agensi lain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala peratus pendaftaran pelajar luar negara rendah berbanding tawaran kerana penularan pandemik Covid-19.

Pendapat Audit Prestasi pengambilan pelajar kurang memuaskan. Pendaftaran pelajar tempatan dan luar negara hanya mencatatkan 66% dan 44.7% berbanding penawaran bagi tempoh tahun 2020 hingga Julai 2023. Justeru itu, pendapatan daripada yuran pengajian tidak dapat menampung perbelanjaan operasi IIUM.

Prestasi Yuran Pengajian 7. Yuran pengajian merupakan antara sumber pendapatan IIUM. Polisi 9.1 dalam Manual Polisi dan Prosedur Kewangan bertarikh 11 Mac 2019 menjelaskan yuran pengajian dibayar oleh pelajar sendiri atau melalui penaja. Dua kategori penghutang pelajar iaitu penghutang pelajar tanpa tajaan dan penghutang pelajar dengan tajaan.

8. Setakat 31 Julai 2023, penghutang pelajar luar negara tanpa tajaan merekodkan hutang tertinggi iaitu **seramai 5,016 orang dengan tunggakan berjumlah RM9.17 juta yang melebihi 180 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ringkasan Pengumuran Penghutang Melebihi 180 Hari Setakat 31 Julai 2023

BUTIRAN		BILANGAN PELAJAR	AMAUN (RM Juta)
Penghutang pelajar tanpa tajaan	Tempatan	10,176	3.40
	Luar negara	5,016	9.17
Penghutang pelajar dengan tajaan	Tempatan	3,437	0.35
	Luar negara	531	1.12
JUMLAH		19,160	14.04

Sumber: Laporan Pengumuran Penghutang Pelajar daripada Unit Kewangan Pelajar Bahagian Kewangan IIUM

Maklum balas IIUM Tunggakan yuran pengajian berjumlah RM26 juta pada tahun 2022 telah dapat dikurangkan kepada RM11 juta pada tahun 2023. IIUM melaksanakan sekatan penyerahan transkrip akademik kepada pelajar yang mempunyai tunggakan hutang mulai 14 Mac 2024 dan akan memperkenalkan Zero Debt Policy semasa semester satu sesi pengajian 2024/2025.

Pendapat Audit Prestasi yuran pengajian kurang memuaskan. Tunggakan berjumlah RM14.04 juta yang melebihi 180 hari masih belum berjaya dikutip setakat 31 Julai 2023. Hasil pendapatan utama IIUM tidak dipertingkatkan.

Prestasi Projek Rancangan Malaysia (RMK) 9. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2022, IIUM menerima peruntukan geran pembangunan daripada KPT berjumlah RM204.89 juta bagi tujuan melaksanakan empat projek di bawah RMKe- 11 dan lapan projek di bawah RMKe- 12.

10. Setakat 31 Disember 2023, semua empat projek di bawah RMKe-11 berjaya disiapkan. Manakala **dua daripada lapan projek di bawah RMKe- 12 belum disiapkan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Projek RMKe- 12 Yang Belum Siap Setakat 31 Disember 2023

BIL.	PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH MULA/ DIJADUALKAN	PERATUS KEMAJUAN KERJA (%)	KOS PROJEK (RM Juta)
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS					
1.	Membaik Pulih Keretakan Bangunan Pentadbiran CFS	Syarikat D	01.11.2022/ 29.04.2024	28.9	4.50
2.	Menaik Taraf Bangunan Kulliyyah Farmasi, Kulliyyah Sains, Perpustakaan dan Loji Kumbahan Berpusat di Kampus Kuantan	Belum dilantik	07.07.2022/ Tiada maklumat	0.00	3.00

Sumber: Fail Projek Rancangan Malaysia daripada Bahagian Pembangunan IIUM

Maklum balas IIUM

Projek Membaik Pulih Keretakan Bangunan Pentadbiran Centre for Foundation Studies (CFS) lewat dilaksanakan berikutan peningkatan anggaran kos projek selepas pemeriksaan semula di tapak oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). IIUM mengemukakan permohonan kelulusan perubahan skop projek melalui Notice of Change (NOC) kepada KPT pada 12 Oktober 2021. Kelulusan NOC diperolehi pada 15 Disember 2021. Projek ditender pada 23 Jun 2022 dan dijangka siap pada 29 April 2024.

Projek Menaik Taraf Bangunan Kulliyyah Farmasi, Kulliyyah Sains, Perpustakaan dan Loji Kumbahan di bawah seliaan JKR lewat dibuat lanjutan daripada peningkatan anggaran kos projek. IIUM mengemukakan permohonan NOC bagi Pakej 1 dan Pakej 3 pada 4 Ogos 2022. Kelulusan NOC diperolehi pada 5 Julai 2023. Pakej 1 hanya ditender pada 10 Oktober 2023 dan dijangka siap pada Julai 2025. Pakej 3 ditender pada Mac 2024 dan dijangka siap pada Disember 2025.

Pendapat Audit

Prestasi pencapaian fizikal untuk satu projek RMKe- 12 iaitu Projek Menaik Taraf Bangunan Kulliyyah Farmasi, Kulliyyah Sains, Perpustakaan dan Loji Kumbahan adalah tidak memuaskan kerana lewat dilaksanakan. Kelewatan membaik pulih keretakan yang berlaku di kaki lima bangunan kulliyyah dan loji kumbahan serta lobi bangunan perpustakaan menimbulkan ketidakselesaan kepada pengguna.

**Prestasi Projek
Private Finance
Initiative (PFI)**

11. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4 Tahun 2015 bertarikh 10 Februari 2015 menetapkan analisis tempoh masa penyiapan projek sebenar adalah berdasarkan asas pengiraan Penetapan Norma Tempoh Pembinaan Projek.

12. Analisis Audit mendapati **tempoh penyiapan Projek CFS Fasa 3 melewati norma tempoh pembinaan iaitu selama 19 bulan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Analisis Perbandingan Tempoh Penyiapan Sebenar Berbanding Norma Tempoh Pembinaan

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH SIAP ASAL (BULAN)	EOT (BULAN)	TEMPOH SIAP ASAL + EOT	NORMA TEMPOH PEMBINAAN PROJEK (BULAN)	BEZA TEMPOH (BULAN)	PERATUS PERBEZAAN (%)
CFS Fasa 3	365.69	36	34	70	51	19	37.3

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Bahagian Pembangunan IIUM

Nota: (EOT) - Extension of Time

**Maklum balas
IIUM**

Tempoh penyiapan Projek CFS Fasa 3 melewati norma tempoh pembinaan kerana berdasarkan Pemeriksaan Bersama No. 8, didapati terdapat baki 3 daripada 2,974 Non-Compliance Report NCR (major) hendaklah disiapkan oleh Syarikat Konsesi I dan penyerahan projek ini dibuat pada 1 Disember 2018.

Pendapat Audit

Prestasi pencapaian Projek CFS Fasa 3 tidak memuaskan kerana penyerahannya lewat dibuat dan ini menjejaskan aktiviti pembelajaran pelajar CFS berikutan perlu berkongsi bilik dengan pelajar di Kampus Kuantan.

**Prestasi
Penghunian
Mahallah**

13. Mengikut klausa 6 (aa) Perlembagaan IIUM, antara objektif penubuhan universiti adalah menyediakan kemudahan kebajikan dan kediaman kepada pelajar.

14. Analisis Audit mendapati prestasi penghunian mahallah di semua kampus tidak mencapai kapasiti sepenuhnya dengan **Kampus Pagoh merekodkan kadar penghunian terendah** berbanding tiga kampus lain. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Prestasi Penghunian Mahallah Bagi Tahun 2019 Hingga Julai 2023

SEMESTER	KAMPUS GOMBAK			KAMPUS KUANTAN			KAMPUS CFS			KAMPUS PAGOH		
	C	O	(%)	C	O	(%)	C	O	(%)	C	O	(%)
1, 2018/2019	17,085	16,589	97.1	5,000	4,087	81.7	Tidak Berkaitan			1,792	834	46.5
2, 2018/2019	17,061	15,036	88.1	5,000	3,812	76.2	Tidak Berkaitan			1,792	880	49.1
3, 2018/2019*	17,059	5,739	33.6	5,000	2,402	48.0	4,752	562	11.8	1,792	27	1.5
1, 2019/2020	17,061	16,080	94.3	5,000	3,985	79.7	4,752	3,455	72.7	1,792	916	51.1
2, 2019/2020	17,059	10,954	64.2	5,000	3,692	73.8	4,752	3,141	66.1	1,792	970	54.1
3, 2019/2020*	17,059	4,767	27.9	5,000	1,261	25.2	4,752	3,068	64.6	1,792	24	1.3
1, 2020/2021	17,059	7,744	45.4	5,000	1,786	35.7	4,752	3,617	76.1	1,792	302	16.9
2, 2020/2021	17,059	10,956	64.2	5,000	2,071	41.4	4,752	112	2.4	1,792	182	10.2
3, 2020/2021*	17,059	2,399	14.1	5,000	1,679	33.6	4,752	1,559	32.8	1,792	29	1.6
1, 2021/2022	17,059	7,025	41.2	5,000	2,953	59.1	4,752	128	2.7	1,792	552	30.8
2, 2021/2022	17,059	11,450	67.1	5,000	3,302	66.0	4,752	2,531	53.3	1,792	1,461	81.5
3, 2021/2022*	17,059	3,858	22.6	5,000	1,781	35.6	4,752	3,686	77.6	1,792	69	3.9
1, 2022/2023	17,059	12,451	73.0	5,000	3,647	73.0	4,752	4,026	84.7	1,792	1,429	79.7
2, 2022/2023	17,059	12,924	75.8	5,000	3,335	66.7	4,752	3,733	78.6	1,792	1,358	75.8

Sumber: Maklumat prestasi penghunian daripada mahallah Kampus Gombak, Kuantan, CFS dan Pagoh

Nota: (C) - Kapasiti (O) - Bilik Dihuni Pelajar (%) - Prestasi Penghunian

(*) - Penghunian mahallah semasa semester tiga setiap tahun tidak dianalisis kerana merupakan semester pendek.

Maklum balas IIUM

Kampus Pagoh telah menyewakan bilik mahallah kosong kepada organisasi luar mulai Disember 2021 hingga September 2023.

Pendapat Audit

Prestasi penghunian mahallah di Kampus Gombak, Kuantan dan CFS memuaskan dengan peratus pencapaian melebihi 50% kecuali Kampus Pagoh pada tahun 2019 dan 2021. Prestasi penghunian yang tidak sepenuhnya menyebabkan IIUM masih perlu membayar sewa perabot untuk bilik kosong.

Prestasi Kewangan Mahallah

15. Pengoperasian mahallah dibiayai menerusi dana amanah penginapan dan geran mengurus. Manual Polisi dan Prosedur Kewangan IIUM menetapkan dana amanah penginapan diwujudkan untuk merekodkan terimaan yuran penginapan yang dikenakan pelajar dan perbelanjaan penyenggaraan mahallah.

16. Analisis Audit mendapati **dana amanah penginapan bagi Kampus Pagoh mencatatkan defisit mulai tahun 2019 hingga Julai 2023 iaitu antara RM0.78 juta hingga RM7.80 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

Jadual 6: Prestasi Kewangan Mahallah Bagi Tahun 2019 Hingga Julai 2023

KAMPUS/ TAHUN	DANA AMANAH PENGINAPAN (RM Juta)			GERAN MENGURUS (RM Juta)		
	PD	PB	LEBIHAN/ (DEFISIT)	PD	PB	LEBIHAN/ (DEFISIT)
2019						
Gombak	23.87	17.17	6.70	5.11	4.36	0.75
Kuantan	4.74	4.00	0.74	22.12	22.08	0.04
CFS	1.23	1.08	0.15	32.82	32.26	0.56
Pagoh	2.22	8.65	(6.43)	8.13	7.10	1.03
JUMLAH	32.06	30.90	1.16	68.18	65.80	2.38
2020						
Gombak	13.73	7.61	6.12	7.97	7.16	0.81
Kuantan	2.57	1.50	1.07	20.83	19.50	1.33
CFS	2.31	1.25	1.06	33.10	32.33	0.77
Pagoh	0.60	7.80	(7.20)	7.17	7.00	0.17
JUMLAH	19.21	18.16	1.05	69.07	65.99	3.08
2021						
Gombak	8.14	9.18	(1.04)	5.12	4.52	0.60
Kuantan	3.32	1.50	1.82	19.10	19.10	0.00
CFS	0.64	0.91	(0.27)	33.73	33.31	0.42
Pagoh	0.43	7.43	(7.00)	7.28	7.25	0.03
JUMLAH	12.53	19.02	(6.49)	65.23	64.18	1.05
2022						
Gombak	17.10	12.99	4.11	5.01	4.48	0.53
Kuantan	5.46	4.90	0.56	22.81	22.65	0.16
CFS	4.68	3.24	1.44	34.99	34.70	0.29
Pagoh	1.78	9.58	(7.80)	8.50	8.47	0.03
JUMLAH	29.02	30.71	(1.69)	71.31	70.30	1.01
2023*						
Gombak	8.35	3.17	5.18	5.40	2.97	2.43
Kuantan	2.26	0.05	2.21	23.30	16.78	6.52
CFS	0.009	0.15	(0.141)	35.31	25.23	10.08
Pagoh	0.92	1.70	(0.78)	8.82	6.37	2.45
JUMLAH	11.539	5.07	6.469	72.83	51.35	21.48
JUMLAH KESELURUHAN	104.36	103.86	0.50	346.62	317.62	29.00

Sumber: IIUM Financial Integrated System

Nota: (PD) - Pendapatan (PB) - Perbelanjaan (*) - Setakat 31 Julai 2023

Maklum balas IIUM

Dana amanah penginapan Kampus Pagoh mencatatkan defisit kerana caj yuran sewaan pelajar yang rendah berbanding caj sewaan dan kos penyenggaraan yang dibayar kepada IIUM Holdings Sdn. Bhd. (IHSB). IIUM merancang untuk mengoptimumkan penggunaan mahallah melalui inisiatif strategik penjanaan pendapatan mulai Jun 2024.

Pendapat Audit Prestasi kewangan mahallah menggunakan dana amanah penginapan kurang memuaskan. Terdapat kampus yang mencatatkan pendapatan defisit. Kelemahan ini menyebabkan kampus tersebut tidak berupaya melaksanakan penyenggaraannya secara berkala.

Prestasi Hartanah 17. Mengikut klausa 6(r) Perlembagaan IIUM, antara objektif penubuhannya adalah membeli; mengambil pajakan atau pertukaran; atau memperoleh dan melabur dalam hartanah serta harta benda diperlukan atau bersesuaian bagi tujuannya.

18. **Setakat 31 Oktober 2023, sebanyak 125 (39.6%) daripada 316 hartanah belum dapat disewakan** seperti apartmen, rumah teres, kondominium dan bangunan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

Jadual 7: Hartanah Yang Kosong Setakat 31 Oktober 2023

BIL.	JENIS HARTANAH	LOKASI	JUMLAH UNIT	UNIT KOSONG (BIL.)	PERATUS UNIT KOSONG (%)
KAMPUS GOMBAK					
1.	Apartmen	Taman Melati, Gombak*	12	1	8.3
2.	Apartmen	Taman Melati, Gombak**	4	1	25
3.	Apartmen	Batu 11	69	29	42
4.	Apartmen	Kelana Jaya	8	1	12.5
5.	Apartmen	Desa Bistari	11	4	36.4
JUMLAH			104	36	34.6
KAMPUS KUANTAN					
1.	Rumah teres dua tingkat	Indera Mahkota 6	18	0	0
2.	Bangunan At-Tabari	Indera Mahkota 7	128	66	51.6
JUMLAH			146	66	45.2
KAMPUS KUALA LUMPUR					
1.	Apartmen ISTAC	Jalan Duta	66	23	34.8
JUMLAH			66	23	34.8
JUMLAH KESELURUHAN			316	125	39.6

Sumber: Maklumat daripada Kampus Gombak, Kuantan dan Kuala Lumpur

Nota: (*) - Kondominium Putra Villa diuruskan oleh Unit Dana Endowmen IIUM

(**) - Kondominium Putra Villa diuruskan oleh Graduate School Management IIUM



Maklum balas IIUM Kedudukan kewangan IIUM yang defisit menyebabkan pembaikan dan baik pulih hartanah tidak menjadi keutamaan IIUM ketika ini. Analisis terhadap portfolio pencapaian hartanah pada tahun 2022 mendapati hampir kesemua hartanah mengalami defisit dan tidak setimpal dengan perbelanjaan tambahan yang dikeluarkan. Oleh itu, IIUM masih dalam perancangan sama ada untuk menjual hartanah sewaan yang mengalami defisit.

Pendapat Audit	Pengurusan sewaan hartanah IIUM kurang memuaskan. Terdapat hartanah di Kampus Gombak, Kuantan dan Kuala Lumpur tidak disewakan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023.
Prestasi Kewangan	19. Pendapatan terdiri daripada geran Kerajaan yang meliputi geran mengurus, pembangunan dan penyelidikan serta sumber peruntukan dalaman seperti dana amanah dan dana endowmen. Perbelanjaan juga meliputi bayaran emolumen; perkhidmatan dan bekalan; biasiswa dan lain-lain caj serta lain-lain perbelanjaan. 20. Pada tahun 2021, IIUM mencatatkan sedikit peningkatan pendapatan iaitu RM1.191 bilion berbanding RM1.190 bilion pada tahun 2020. Pendapatan pada tahun 2022 juga meningkat kepada RM1.252 bilion berbanding tahun 2021. 21. Terdapat peningkatan perbelanjaan IIUM sejumlah RM98.48 juta (9.5%) menjadi RM1.131 bilion pada tahun 2022 berbanding RM1.033 bilion pada tahun 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 8 dan Carta 2. 22. IIUM mencatat lebih sebelum cukai selama tiga tahun berturut-turut tetapi merosot pada setiap tahun. Keadaan ini menyumbangkan kekurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 8 dan Carta 3. 23. Jumlah liabiliti melebihi aset bagi tempoh 2020, 2021 dan 2022 iaitu masing-masing berjumlah RM38.45 juta, RM17.68 juta dan RM17.06 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 9. 24. Analisis Audit mendapati sumber pendapatan IIUM bergantung kepada geran Kerajaan iaitu antara 83.7% sehingga 85.9%. Manakala pendapatan dalaman dan lain-lain pendapatan IIUM bagi tempoh 2020 hingga 2022 hanya dijana antara 14.1% hingga 16.3%. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 10.

Jadual 8: Kedudukan Kewangan IIUM Bagi Tahun 2020 Hingga 2022

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Geran Kerajaan	995.98	1,023.67	1,050.71
Pendapatan Dalamann	123.98	105.22	115.99
JUMLAH GERAN (A)	1,119.96	1,128.89	1,166.70
Dana Amanah Endowmen	9.70	4.78	4.99
Dana Amanah	59.84	57.95	80.21
JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN (B)	69.54	62.73	85.20
JUMLAH KESELURUHAN PENDAPATAN (C)=(A)+(B)	1,189.50	1,191.62	1,251.90
Perbelanjaan Operasi	(1,032.85)	(1,045.94)	(1,131.33)
Kerugian Bersih Terhadap Penjejasan Instrumen Kewangan	(1.03)	(12.31)	(4.82)
JUMLAH PERBELANJAAN (D)	(1,033.88)	(1,058.25)	(1,136.15)
LEBIHAN OPERASI (E)=(C)-(D)	155.62	133.37	115.75
Kos Kewangan	(117.91)	(113.03)	(114.35)
LEBIHAN SEBELUM CUKAI	37.71	20.34	1.40
Cukai	-	-	-
LEBIHAN SELEPAS CUKAI	37.71	20.34	1.40
Pengelasan Dana	-	0.28	-
Pindahan Dana	-	0.15	(0.78)
KURANGAN TERKUMPUL	(38.45)	(17.68)	(17.06)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020 hingga 2022

Carta 2: Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2020 Hingga 2022**Carta 3: Trend Kurangan Terkumpul Bagi Tahun 2020 Hingga 2022**

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020 hingga 2022

Jadual 9: Kedudukan Aset Dan Liabiliti IIUM Bagi Tahun 2020 Hingga 2022

BUTIRAN/TAHUN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
ASET			
Aset Bukan Semasa	3,543.64	3,418.34	3,313.41
Aset Semasa	444.19	508.44	552.27
JUMLAH ASET (A)	3,987.83	3,926.78	3,865.68
LIABILITI			
Liabiliti Bukan Semasa	3,795.63	3,685.07	3,600.05
Liabiliti Semasa	230.65	259.39	282.69
JUMLAH LIABILITI (B)	4,026.28	3,944.46	3,882.74
PERBEZAAN JUMLAH (C)=(B)-(A)	38.45	17.68	17.06
NISBAH ASET BERBANDING LIABILITI (D)=(A)/(B)	0.99:1	0.99:1	0.99:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020 hingga 2022

Jadual 10: Pendapatan IIUM Bagi Tahun 2020 Hingga 2022

BUTIRAN/TAHUN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Pendapatan geran Kerajaan (A)	995.98	1,023.67	1,050.71
Pendapatan dalaman dan lain-lain pendapatan (B)*	193.52	167.95	201.19
JUMLAH PENDAPATAN (C)	1,189.50	1,191.62	1,251.90
PERATUS PENDAPATAN GERAN KERAJAAN (D)=(A)/(C)	83.7%	85.9%	83.9%
PERATUS PENDAPATAN DALAMAN (E)=(B)/(C)	16.3%	14.1%	16.1%

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020 hingga 2022

Nota: (*) - Dana Endowmen dan Dana Amanah merupakan lain-lain pendapatan

Maklum balas IIUM

Peningkatan perbelanjaan berjumlah RM13.09 juta pada tahun 2021 dan RM43.86 juta pada tahun 2022 disebabkan peningkatan perbelanjaan emolumen dan pertambahan kakitangan baharu Hospital Pengajar SASMEC serta bekalan dan perkhidmatan.

Jumlah liabiliti melebihi aset disebabkan pelarasan akaun bagi manfaat pekerja dan pengelasan semula dana pembangunan serta penyelidikan.

Antara strategi dikenal pasti bagi meningkatkan pendapatan IIUM adalah pengambilan pelajar melalui saluran terbuka yang mana yuran pengajian dikenakan tanpa subsidi; mengadakan kerjasama program pembelajaran jarak jauh bagi pengajian di peringkat diploma lepasan ijazah; pengkomersialan penyelidikan dan perundingan; semakan semula yuran pelajar meliputi asrama, pengangkutan dan makmal serta menyasarkan syarikat subsidiari dapat membayar dividen berjumlah RM12 juta menjelang tahun 2028.

Pendapat Audit Kedudukan kewangan IIUM secara keseluruhannya kurang stabil kerana mencatatkan kurangan terkumpul RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022. IIUM juga dalam kedudukan tidak berupaya membayar balik hutang semasa dan hutang jangka panjang kerana bergantung kepada geran Kerajaan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

Prestasi Dana Endowmen 25. Jawatankuasa Eksekutif Dana Endowmen menetapkan rekod akaun berkaitan perlu disimpan dengan lengkap dan disokong dengan resit serta bil bayaran.

26. Tiga daripada lima dana endowmen menerima pendapatan sewaan kolej kediaman dan bangunan komersial. Manakala dua dana menerima pendapatan pelaburan. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah ini direkodkan dengan tepat kerana penyata pendapatan dan perbelanjaan tidak disediakan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

Jadual 11: Senarai Dana Endowmen Yang Disemak

Jadual 11: Senarai Dana Endowment Yang Disarak					
BIL.	JENIS DANA DAN KATEGORI	AMAUN BAKI MENGIKUT TAHUN			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
DANA YANG ADA MENERIMA PENDAPATAN BERBENTUK SEWAAN					
1.	Yayasan Azman Hashim	0.57	0.48	0.52	0.57
2.	Sheikh Humaid	0.37	0.35	0.30	0.32
3.	Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera	0.37	0.35	0.30	0.32
JUMLAH		1.31	1.18	1.12	1.21
DANA YANG ADA MENERIMA PENDAPATAN BERBENTUK PELABURAN					
4.	Noor Bank	TB	2.65	2.66	2.70
5.	Abu Sulayman	1.16	1.17	1.17	1.85
JUMLAH		1.16	3.82	3.83	4.55

Sumber: Unit Dana Endowmen dan Unit Kewangan Pelajar

Nota: (TB) - Tidak Berkenaan

Maklum balas IIUM Unit Dana Endowmen telah mengadakan perbincangan dengan Unit Akaun sejak Mac 2024 mengenai penambahbaikan yang akan dibuat terhadap Integrated Financial Information System agar setiap jenis dana khas di bawahnya dapat direkodkan. Tindakan dijangka selesai pada Disember 2024.

Pendapat Audit Rekod pendapatan dan perbelanjaan mengikut jenis dana endowmen tidak diselenggara dengan teratur bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Pemantauan tidak dibuat dengan baik bagi memastikan pelaporan hasil pendapatan sewaan dan pelaburan dapat dibuat secara konsisten.

Pencapaian Keberhasilan

27. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 menetapkan penilaian keberhasilan digunakan sebagai alat untuk mengukur kesan projek pembangunan kepada golongan sasaran daripada aspek ekonomi, sosial dan politik. Pencapaian keberhasilan bagi tiga daripada empat aspek adalah memuaskan iaitu pencapaian ditetapkan oleh KPT; penarafan universiti dan kualiti tenaga pengajaran, pembelajaran serta fasiliti. Bagaimanapun, pencapaian satu aspek lagi adalah tidak memuaskan iaitu keberhasilan projek pembangunan.

28. Setakat 31 Disember 2023, **satu daripada 10 Projek RMK yang disiapkan tidak mencapai objektif ditetapkan ialah Perolehan Peralatan Hospital Pengajar SASMEC** yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Sebanyak 11 daripada 20 dewan bedah tidak dapat digunakan kerana tidak dilesenkan berikutan kekangan mematuhi keperluan ditetapkan dalam Akta 586 [*Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta*] yang dikeluarkan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Kementerian Kesihatan Malaysia (CKAPS KKM).

Maklum balas IIUM

Reka bentuk bangunan Hospital Pengajar SASMEC dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh syarikat konsesi berdasarkan Design Concept sebagai garis panduan. Tiada sebarang arahan pelesenan di bawah Akta 586 dikeluarkan oleh Kerajaan sebelum tahun 2014. Jika Kerajaan memutuskan dasar mengenai pematuhan Akta tersebut sebelum kelulusan diperolehi daripada Unit Kerjasama Awam Swasta dan JKR, perkara ini dapat diselesaikan terlebih dahulu.

Mesyuarat Harmonisasi Pengoperasian Hospital Pengajar Universiti di bawah Akta 586 bertarikh 29 Mac 2024 memutuskan pihak SASMEC mengemukakan bilangan kakitangan profesional sedia ada bagi tujuan pelesenan. Pihak KKM akan mengeluarkan lesen setakat keupayaan pihak SASMEC memenuhi komponen ditetapkan di bawah Akta 586.

Pendapat Audit

Sembilan daripada 10 projek RMK mencapai keberhasilan disasarkan melalui penyiapannya dalam tempoh ditetapkan. Bagaimanapun, satu projek RMK tidak mencapai keberhasilan disasarkan kerana fasiliti disediakan tidak digunakan secara optimum.

PENGURUSAN AKTIVITI


Projek Tidak Mematuhi Peraturan Semasa

29. Terdapat ketidakpatuhan terhadap Peraturan-Peraturan Elektrik bagi projek CFS Fasa 3. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

Jadual 12: Penemuan Audit Mengenai Ketidakpatuhan Peraturan Semasa

ASPEK	KRITERIA AUDIT	PENEMUAN AUDIT
Reka bentuk kepekaan ¹ Peranti Arus Baki	Peraturan 36 (3) dalam Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.	Mengikut semakan terhadap lukisan terbina, didapati 34 lokasi Peranti Arus Baki berkepekaan melebihi 30mA pada litar soket alir keluar seperti dalam Gambar 1 . Ketidakpatuhan ini mendedahkan risiko terkena renjatan elektrik terhadap penghuni mendiami blok tersebut apabila berlaku kebocoran arus.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1

Blok Al Razi di Department of Islam Revealed Knowledge and Human Science
- Papan agihan mempunyai kepekaan PAB melebihi 30mA bagi soket alir keluar
(24.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas IIUM

Mesyuarat Perbincangan Isu Penemuan Audit Bagi Projek-Projek IIUM pada 23 April 2024 bersetuju meminta Syarikat Konsesi I memulakan kerja-kerja penggantian Residual Current Circuit Breaker dengan kepekaan 30mA tersebut mulai 29 April 2024 dan menyiapkannya pada awal Jun 2024. Bagaimanapun, perbincangan selanjutnya dalam Mesyuarat Khas Project Monitoring Committee (PMC) pada 20 Mei 2024 bersetuju agar Syarikat Konsesi I menyiapkan kerja-kerja penggantian ini selewat-lewatnya pada Disember 2024.

¹ Nilai kendalian arus yang ditetapkan mengikut keperluan pemasangan

Projek Tidak Mematuhi Design Concept

30. Terdapat ketidakpatuhan terhadap Design Concept seperti dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi Hospital Pengajar SASMEC. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

Jadual 13: Penemuan Audit Mengenai Ketidakpatuhan Design Concept

ASPEK	KRITERIA AUDIT	PENEMUAN AUDIT
Keperluan bilik berhawa dingin 24 jam	- Appendix B: Design Concept - Volume 1B, Architectural, Part 2, Technical Brief 5.1.1.9. - Appendix B: Design Concept - Volume 3, Mechanical Brief, Part 1, Technical Brief 4.1.1.	Mengikut semakan terhadap lukisan pembinaan no. A/IIUM/LD/HB/02/008, dinding bilik tersebut bukan diperbuat daripada jenis double cavity wall tetapi digantikan dengan Autoclaved Aerated Concrete (AAC). Pihak Audit mendapati muncul kulapuk pada permukaan dinding serta siling di luar bilik pengasingan seperti di Gambar 2 dan Gambar 3. Kehadiran kulapuk mendedahkan risiko gangguan kesihatan terhadap pesakit menghuni bilik berhawa dingin tersebut.
Keperluan lif untuk katil pengusung atau katil ICU	Appendix B: Design Concept - Volume 3 Mechanical Brief Part 1, Technical Brief 5.3.6	Sebanyak 13 unit lif digunakan di Hospital Pengajar SASMEC tidak dapat memuatkan minimum satu katil pengusung atau satu katil ICU dengan penjaga di setiap sisinya pada satu-satu masa seperti di Gambar 4 dan Gambar 5 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2



Bilik Pengasingan Berhawa Dingin 24 Jam di Wad Ortopedik Dua Aras Enam, Hospital Pengajar SASMEC
Kulapuk kelihatan di permukaan dinding dan siling
(02.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 3



Gambar 4



Lif Lobi Empat di Aras Tiga, Hospital Pengajar SASMEC
- Kedudukan katil pengusung dan katil ICU dengan penjaga hanya berada di satu sisi katil dalam lif
(02.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 5



Maklum balas IIUM	Mesyuarat Perbincangan Isu Penemuan Audit Bagi Projek-Projek IIUM pada 23 April 2024 memutuskan mesyuarat khas perlu diadakan oleh PMC sekiranya terdapat keperluan kerja pemasangan double cavity wall dan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi tujuan pengesahan dinding daripada jenis AAC memberikan kefungsiian yang sama. Laporan teknikal berkaitan pengesahan jenis dinding akan dibentangkan pada Julai 2024 sebelum keputusan kerja penggantian tersebut dibuat. Selain itu, spesifikasi dalam Appendix B: Design Concept Section B - Technical Brief Vol. 6 of 9 Mechanical Brief - Perkara 5.3.6 bawah 5.0 - Lifts, Dumbwaiters and Escalators System hanya menyatakan keperluan katil secara umum tanpa menyatakan keperluan katil ICU.
Pendapat Audit	Ketidakpatuhan terhadap spesifikasi mengikut peraturan semasa dan Design Concept serta perubahan spesifikasi yang berbeza dengan Perjanjian Konsesi menyebabkan fasiliti yang disediakan tidak dapat digunakan secara optimum.
Kerja Pembaikan Masih Belum Dilaksanakan	31. <i>Services Road</i> dan Kolam Tadahan: Mengikut klausa 19A1.1 Appendix B6 dalam Perjanjian Tambahan, Syarikat Konsesi I perlu melaksanakan kerja awalan. Berdasarkan klausa 19A.2.1(b), Syarikat Konsesi I perlu membina <i>services road</i> berdekatan lokasi sama. 32. Appendix E: 5.Exclusions: Outside Projek Land under Phase I & II, Item No. 3. Maintenance of Slopes and Retaining Walls menyatakan penyenggaraan cerun bukan berada di bawah skop Projek CFS Fasa 3. 33. Lawatan fizikal pada 24 Julai 2023 mendapati kerja pembaikan terhadap kerosakan <i>services road</i> dan cerun di kawasan kolam tadahan didapati masih belum dilaksanakan dan tiada perlindungan sementara sejak bulan Disember 2020 menyebabkan kerosakan <i>services road</i> dan cerun bertambah teruk. Butiran lanjut adalah seperti dalam Gambar 6 hingga Gambar 9.

Gambar 6



Projek CFS Fasa 3
- Cerun runtuh akibat hakisan tanah
(24.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 7



Projek CFS Fasa 3
- Jalan rosak akibat hakisan cerun
(24.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 8



Projek CFS Fasa 3
- Hakisan tebing di lokasi *retention outlet*
(24.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Gambar 9



Projek CFS Fasa 3
- Jalan rosak akibat cerun runtuh
(24.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Maklum balas
IIUM**

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan IIUM pada 1 April 2024, KPT mencadangkan agar kerja pembaikan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Lawatan tapak telah diadakan pada 13 Mei 2024 oleh KSU KPT dan pihak JPS.

Pendapat Audit

Ketiadaan klausa yang jelas dalam Perjanjian Konsesi berkaitan tanggungjawab membaiki kerosakan secara keseluruhan dan kelemahan pihak pengurusan mengakibatkan tiada tindakan pembaikan dilaksanakan terhadap kerosakan *services road* dan runtuh cerun yang berlaku hingga berlarutan melebihi dua tahun.

**Kemudahan
Hospital Tidak
Digunakan
Sepenuhnya**

34. **Pengoperasian Hospital Pengajar SASMEC:** Berdasarkan lesen dikeluarkan oleh CKAPS KKM pada 6 September 2022, antara kemudahan Hospital Pengajar SASMEC yang dilesenkan di bawah Akta 586 adalah sembilan bilik bedah major, empat bilik bersalin; dua katil Neonatal Intensive Care Unit (NICU), empat katil Special Care Nursery (SCN), tujuh katil Intensive Care Unit (ICU), dua katil Cardiac Care Unit (CCU) dan tiga bilik Klinik Pakar Pediatrik.

35. Mengikut Norma Staf Kejururawatan bagi Permohonan Lesen Baru dan Pindaan Lesen Hospital Swasta daripada CKAPS KKM, satu dewan bedah dan satu bilik bersalin memerlukan seorang jururawat terlatih dengan post basic. Manakala setiap satu katil ICU, CCU dan NICU masing-masing memerlukan seorang jururawat terlatih dengan post basic. CKAPS KKM turut memaklumkan klinik pesakit luar turut memerlukan doktor pakar tetap atau pelawat tertakluk bilangan bilik sedia ada di dalamnya.

36. Lawatan fizikal pada 1 dan 2 Ogos 2023 mendapati kemudahan disediakan seperti **dewan bedah, NICU, SCN, ICU, CCU dan Klinik Pakar Pediatrik tidak dapat digunakan sepenuhnya**. Hal ini kerana kesukaran untuk mendapatkan bilangan jururawat terlatih dengan post basic dan doktor pakar.

37. Memandangkan Hospital Pengajar SASMEC tidak dapat mengoperasikan 106 bilik/katil/kot/kerusi sepenuhnya, **306 (2.3%) daripada 13,403 peralatan perubatan berjumlah RM12.34 juta tidak digunakan sejak tahun 2017 hingga Ogos 2023**. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 14.

Jadual 14: Senarai Kemudahan Tidak Dapat Digunakan Secara Optimum

BIL.	KEMUDAHAN	BILANGAN TIDAK DILESENKAN	PERALATAN PERUBATAN TIDAK DIGUNAKAN	
			BILANGAN	KOS (RM Juta)
1.	Klinik Pediatrik*	7 bilik	14	0.08
2.	Klinik Psikiatri*	1 bilik	1	0.00#
3.	Klinik Oftalmologi*	5 bilik	10	0.71
4.	Klinik Kardiologi dan Kardiotorasik*	9 bilik	18	0.06
5.	Klinik Telinga, Hidung dan Tekak*	8 bilik	24	1.69
6.	Klinik Nefrologi dan Urologi*	8 bilik	16	0.02
7.	Unit Hemodialisis**	16 kerusi	***26	0.62
8.	Klinik Hemato - Onkologi*	9 bilik	18	0.03
9.	Unit Labour Delivery**	6 bilik	18	0.46
10.	Unit General Intensive Care**	15 katil	60	2.35
11.	Dewan Bedah**	11 bilik	33	3.38
12.	Special Care Nursery**	2 kot	32	1.56
13.	Unit Cardiac Care**	9 katil	36	1.38
JUMLAH		106	306	12.34

Sumber: Hospital Pengajar SASMEC

Nota: (*) - Klinik pesakit luar memerlukan doktor pakar tetap atau pelawat selaras ketetapan Akta 586

(**) - Ruangan kritikal memerlukan jururawat terlatih dengan post basic selaras ketetapan Akta 586

(***) - 26 peralatan perubatan terdiri daripada 10 mesin hemodialisis dan 16 monitor pesakit

(#) - RM1,783.61

Maklum balas IIUM

Mesyuarat Harmonisasi Pengoperasian Hospital Pengajar Universiti di bawah Akta 586 bertarikh 29 Mac 2024 bersetuju agar Hospital Pengajar SASMEC dilesenkan dengan kapasiti minimum selari dengan kakitangan sedia ada. Setelah dilesenkan, pengecualian boleh dipertimbangkan dengan justifikasi lengkap bagi tujuan pertimbangan Menteri Kesihatan selaras Seksyen 103 Akta 586.

Pendapat Audit

Sebanyak 306 peralatan perubatan dengan kos berjumlah RM12.34 juta tidak dapat digunakan secara optimum oleh Hospital Pengajar SASMEC selagi langkah penyelesaian berkaitan pematuhan ketetapan Akta 586 tidak dimuktamadkan oleh KPT dan KKM. Perkara ini merugikan pihak SASMEC kerana fasiliti tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Kekerapan Ketidakpatuhan KPI Iaitu Menyelesaikan Aduan Dalam Tempoh Ditetapkan

38. Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS) oleh Syarikat Konsesi: Berdasarkan Perjanjian Konsesi CFS Fasa 3 dan Hospital Pengajar SASMEC, KPI perlu dipatuhi oleh Syarikat Konsesi I adalah aduan perlu diselesaikan antara satu jam hingga tiga hari tertakluk jenis kategorinya. Manakala Syarikat Konsesi II perlu menyelesaikan aduan dalam tempoh 15 hari.

39. Berdasarkan Appendix E - Manual Asset Management Services dalam perjanjian sama, bayaran penalti perlu ditolak daripada bayaran asset management services charges bagi setiap ketidakpatuhan KPI yang disenaraikan.

40. Analisis Audit mendapati **amaun penalti dikenakan terhadap syarikat konsesi bagi ketidakpatuhan KPI sama adalah antara RM0.13 juta hingga RM0.75 juta daripada jumlah keseluruhan potongan penalti.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Jadual 16**.

Jadual 15: Penalti Terhadap Syarikat Konsesi I Kerana Ketidakpatuhan KPI Sama Bagi Tahun 2022 Hingga 2023

BIL.	BULAN DAN TAHUN	PENALTI KETIDAKPATUHAN KPI (RM)		PERATUS PENALTI DIPOTONG DARIPADA PERATUS KESELURUHAN PENALTI (C)=(A)/(B) (%)
		KPI ADUAN DISELESAIKAN ANTARA SATU JAM HINGGA TIGA HARI (A)	JUMLAH KPI (B)	
1.	Januari 2022	91,420	111,140	82.3
2.	Februari 2022	76,110	93,355	81.5
3.	Mac 2022	69,700	88,690	78.6
4.	April 2022	58,740	71,610	82.0
5.	Mei 2022	47,630	81,610	58.4
6.	Jun 2022	71,470	88,730	80.5
7.	Julai 2022	54,210	67,280	80.6
8.	Ogos 2022	47,430	59,580	79.6
9.	September 2022	41,320	51,920	79.6
10.	Oktober 2022	47,240	60,150	78.5
11.	November 2022	29,710	49,285	60.3
12.	Disember 2022	28,920	49,490	58.4
13.	Januari 2023	24,990	47,460	52.7
14.	Februari 2023	24,650	56,338	43.8
15.	Mac 2023	21,320	61,720	34.5
16.	April 2023	15,290	33,260	46.0
JUMLAH		750,150	1,071,618	70.0

Sumber: Asset Management Services Report

Jadual 16: Penalti Terhadap Syarikat Konsesi II Kerana Ketidakpatuhan KPI Sama Bagi Tahun 2022 Hingga 2023

BIL.	BULAN DAN TAHUN	PENALTI KETIDAKPATUHAN KPI (RM)		PERATUS PENALTI DIPOTONG DARIPADA PERATUS KESELURUHAN PENALTI (C)=(A)/(B) (%)
		KPI ADUAN DISELESAIKAN DALAM MASA 15 HARI (A)	JUMLAH KPI (B)	
1.	Januari 2022	6,615.91	10,864.28	60.9
2.	Februari 2022	28,086.98	60,052.93	46.8
3.	Mac 2022	5,271.37	10,248.01	51.4
4.	April 2022	4,600.21	8,752.21	52.6
5.	Mei 2022	4,481.03	9,329.45	48.0
6.	Jun 2022	15,374.92	26,332.53	58.4
7.	Julai 2022	19,249.81	32,152.27	59.9
8.	Ogos 2022	8,641.72	15,590.77	55.4
9.	September 2022	2,977.59	8,284.96	35.9
10.	Oktober 2022	1,508.30	8,912.28	16.9
11.	November 2022	8,204.63	17,937.94	45.7
12.	Disember 2022	5,520.25	10,940.72	50.5
13.	Januari 2023	8,979.05	15,361.01	58.5
14.	Februari 2023	8,250.63	15,386.49	53.6
15.	Mac 2023	6,297.55	11,587.04	54.3
JUMLAH		134,059.95	261,732.89	51.2

Sumber: Indicator Deduction (Approved) Report

Maklum balas IIUM

Perkara mengenai kekerapan KPI sama tidak dipatuhi telah dibincangkan dalam mesyuarat dengan KPT pada 23 April 2024 dan Mesyuarat Khas PMC pada 20 Mei 2024. Mesyuarat bersetuju agar prestasi pencapaian KPI dipantau dan dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Khas PMC dan punca terhadap sebarang ketidakpatuhan KPI dikenal pasti bagi penyelesaian secara efektif untuk memastikannya tidak berulang.

Pendapat Audit

Kekerapan KPI sama tidak dipatuhi dan berulang menunjukkan syarikat konsesi kurang cekap dalam mengambil tindakan menyelesaikan kecacatan yang dikenal pasti. Kelewatan menyelesaikan aduan diterima menimbulkan ketidakselesaian kepada pengguna untuk memanfaatkan fasiliti yang disediakan.

Potongan Harga Kontrak Tidak Dibuat Pada Bulan Seterusnya bagi Kerja Belum Selesai

41.FMS Diurus Oleh Subsidiari di Kampus Gombak: Perenggan 1.1 Perjanjian FMS menjelaskan Key Deduction Indicator (KDI) adalah kadar potongan harga kontrak dikenakan kepada kontraktor apabila KPI tidak dipenuhi.

42. Potongan KDI telah dibuat terhadap 12,873 *work order* mulai hari kelapan dilaporkan sehingga hari terakhir pada setiap bulan **tetapi tidak dibuat pada bulan seterusnya sehingga kerja selesai. Jumlah potongan KDI tidak dikenakan berjumlah RM5.04 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga Julai 2023.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17.**

Jadual 17: Potongan KDI Tidak Dikenakan Bagi Tahun 2019 Hingga Julai 2023

PERKARA	2019	2020	2021	2022	2023	JUMLAH
Bilangan <i>work order</i> dijana	45,818	42,150	32,188	46,040	20,259	186,455
Bilangan <i>work order</i> yang tidak dikenakan potongan KDI	3,177	3,270	2,073	3,576	777	12,873
Jumlah potongan KDI (RM Juta)	1.03	1.31	0.97	1.52	0.21	5.04

Sumber: Computerized Maintenance Management System

Maklum balas IIUM

IIUM telah mengadakan sesi perbincangan bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif IHSB pada 27 Mac 2024 untuk memuktamadkan isu KDI ini. Dalam perbincangan tersebut, IIUM akan membentangkan penyelesaian terhadap isu ini kepada University Management Committee dan Lembaga Gabenor. Seterusnya, perbincangan akan diadakan semula dengan Ketua Pegawai Eksekutif IHSB pada 21 Mei 2024.

Pendapat Audit

Kelemahan pihak pengurusan tidak mengenakan potongan bayaran KDI berjumlah RM5.04 juta terhadap kerja penyenggaraan yang belum diselesaikan di Kampus Gombak merugikan Kerajaan. IIUM tidak menyemak potongan KDI yang sepatutnya dikenakan terhadap kontraktor dengan teliti.

PEMANTAUAN SUBSIDIARI

Pulangan Dividen Tidak Dibayar Sebelum Tahun 2022 43. Subseksyen 131(1) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] menyatakan suatu syarikat hanya boleh membuat pengagihan kepada pemegang syer daripada keuntungan yang ada bagi syarikat itu jika syarikat menjadi solven.

44. IIUM mempunyai satu subsidiari milikan penuh iaitu IIUM Holdings Sdn. Bhd. (IHSB). Seterusnya, IHSB menubuhkan 15 subsidiari dengan pegangan saham sebanyak 100%. Daripada 15 subsidiari tersebut, IHSB mempunyai pegangan saham langsung dalam 12 subsidiari aktif berjumlah RM33.28 juta dan tiga subsidiari dormant berjumlah RM50,004.

45. Setakat tahun 2022, pelaburan IIUM dalam IHSB berjumlah RM32 juta. **Sejak penubuhan IHSB pada tahun 2001, agihan dividen berjumlah RM1 juta telah dibayar kepada IIUM pada tahun 2022** berdasarkan keuntungan selepas cukai dan kedudukan tunai syarikat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

Jadual 18: Pembayaran Dividen Kepada IIUM Bagi Tahun 2002 Hingga 2022

TAHUN KEWANGAN	MODAL SAHAM (RM Juta)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SELEPAS CUKAI (RM Juta)	DIVIDEN DIBAYAR (RM Juta)	BAKI TUNAI (RM Juta)
2002	1.40	(0.03)	0.00	0.00
2003	1.40	(0.05)	0.00	0.04
2004	2.60	(1.70)	0.00	0.19
2005	2.60	0.16	0.00	0.05
2006	2.60	0.25	0.00	0.01
2007	2.60	0.72	0.00	0.04
2008	2.60	0.80	0.00	0.81
2009	2.60	(4.03)	0.00	0.10
2010	5.00	(1.03)	0.00	2.84
2011	5.00	(1.74)	0.00	1.94
2012	5.00	3.84	0.00	5.12
2013	5.00	(2.37)	0.00	2.43
2014	5.00	0.35	0.00	0.99
2015	5.00	1.20	0.00	0.38
2016	5.00	0.59	0.00	0.68
2017	5.00	2.52	0.00	1.77
2018	5.00	5.08	0.00	2.64
2019	5.00	3.56	0.00	0.55
2020	32.00	4.54	0.00	2.37
2021	32.00	(14.38)	0.00	0.19
2022	32.00	3.78	1.00	0.93
JUMLAH			1.00	

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit IHSB bagi Tahun 2002 hingga 2022

Maklum balas IIUM

Tiada pulangan daripada syarikat subsidiari IIUM semasa fasa awal penubuhannya kerana faktor kekurangan modal permulaan; kesukaran menembusi pasaran tempatan atau global; kekurangan pengalaman mengendalikan perniagaan; persaingan sengit dan perubahan trend industri. Bagaimanapun, subsidiari IIUM ada memberi sumbangan berbentuk tunai dan bukan tunai sejak penubuhannya pada tahun 2001.

Pendapat Audit

IIUM tidak mendapat pulangan pelaburan setimpal berbanding RM32 juta suntikan modal dilaburkan dalam subsidiari bagi tempoh tahun 2002 hingga 2022.

**Projek Lewat
Disiapkan**

46. Pelaksanaan Projek Variable Refrigerant Volume (VRV); Projek Energy Efficiency and Saving (EES) dan Projek Pembangunan Solar (Solar): Objektif pelaksanaan projek ini adalah menggantikan VRV dengan membina District Cooling System dan Thermal Energy Storage; penggantian lampu LED serta pembangunan sistem solar berkapasiti 10MWp. Ketiga-tiga projek tersebut masing-masing berjumlah RM15.25 juta, RM11.76 juta dan RM27.56 juta.

47. Mengikut surat tawaran dikeluarkan oleh IIUM kepada Daya Bersih Sdn. Bhd. (DBSB), ketiga-tiga projek ini perlu diselesaikan pada 22 April 2020, 2 November 2020 dan 1 September 2020. Berdasarkan surat tawaran dikeluarkan oleh DBSB kepada subkontraktor, ketiga-tiga projek ini perlu diselesaikan pada 14 Julai 2020, 30 Ogos 2021 dan 28 Februari 2022.

48. Tempoh kelewatan penyiapan **Projek VRV** oleh DBSB dan Syarikat A masing-masing adalah selama **615 hari dan 518 hari** daripada tarikh projek ini sepatutnya diselesaikan.

49. Setakat 31 Mei 2023, **Projek EES** masih belum disiapkan oleh DBSB dan Syarikat B dengan **kelewatan penyiapan projek tersebut masing-masing adalah 930 hari dan 662 hari**.

50. Tempoh kelewatan penyiapan **Projek Solar** oleh DBSB dan Syarikat C pula masing-masing adalah **842 hari dan 302 hari** daripada tarikh projek sepatutnya diselesaikan.

51. Jumlah penjimatan dan pengurangan bil elektrik yang sepatutnya dinikmati jika ketiga-tiga projek ini disiapkan dalam tempoh ditetapkan berjumlah RM71.81 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

Jadual 19: Tempoh Kelewatan Projek Dan Penjimatan Kos Bil Elektrik

PERIHAL	TARIKH JANGKAAN SIAP (A)	TARIKH SEBENAR SIAP (B)	KELEWATAN (HARI) (C)=(B)-(A)
PROJEK VRV			
Projek diselesaikan oleh DBSB	23.04.2020	10.08.2022	615
Projek diselesaikan oleh Syarikat A	14.07.2020	10.08.2022	518
Kiraan penjimatan kos bil elektrik*	RM46.86 juta x 50% = RM23.43 juta untuk 27 bulan mulai bulan April 2020 hingga Julai 2022		
PROJEK EES			
Projek diselesaikan oleh DBSB	02.11.2020	31.05.2023#	930
Projek diselesaikan oleh Syarikat B	30.08.2021	31.05.2023#	662
Kiraan pengurangan kos bil elektrik**	RM38.43 juta - (RM196,008.25 x 21) = RM34.31 juta untuk 21 bulan mulai bulan September 2021 hingga Mei 2023		
PROJEK SOLAR			
Projek diselesaikan oleh DBSB	01.09.2020	02.01.2023	842
Projek diselesaikan oleh Syarikat C	28.02.2022	02.01.2023	302
Kiraan pengurangan kos bil elektrik***	RM14.87 juta - (RM79,936.77 x 10) = RM14.07 juta untuk 10 bulan mulai bulan Mac hingga Disember 2022		
JUMLAH PENGURANGAN BIL ELEKTRIK	RM71.81 Juta (71.7%) DARIPADA KOS SEBENAR RM100.16 Juta		

Sumber: DBSB, Kampus Kuantan dan Gombak

Nota: (*) - Berdasarkan Kertas Cadangan Projek VRV, penjimatan sebanyak 50% daripada bil elektrik sepatutnya diterima oleh Kampus Kuantan jika projek dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

(**) - Mengikut surat tawaran kepada DBSB bertarikh 21 Januari 2020, pengurangan bil elektrik sepatutnya diterima oleh Kampus Kuantan adalah berjumlah RM196,008.25 sebulan.

(***) - Mengikut surat tawaran kepada DBSB bertarikh 5 Ogos 2019, pengurangan bil elektrik sepatutnya diterima oleh Kampus Gombak adalah berjumlah RM79,936.77 sebulan.

(#) - Berdasarkan semakan Audit setakat 31 Mei 2023, Projek EES masih belum disiapkan.

Maklum balas IIUM

Kelewatan pelaksanaan Projek VRV kerana kerja-kerja fizikal lewat dimulakan di tapak berikutan proses tender pelantikan subkontraktor oleh DBSB dibuat setelah surat tawaran dikeluarkan oleh IIUM kepadanya pada 19 Mac 2019.

Projek EES masih belum disiapkan oleh DBSB antaranya kesan pandemik Covid-19 yang menyebabkan subkontraktor tidak dapat memasuki tapak projek dengan segera dan masalah mendapatkan pinjaman untuk membeli peralatan.

Projek Solar pula tidak dapat dilaksanakan setakat Disember 2022 kerana subkontraktor perlu melakukan kajian semula bagi menentukan nilai kapasiti solar dan jumlah penjimatan terjamin yang baharu. IIUM melalui surat bertarikh 3 Januari 2023 telah mengemukakan Notis Penamatan Bersama kepada DBSB.

Pendapat Audit

Ketiga-tiga projek iaitu VRV, EES dan Solar tidak diuruskan dengan cekap oleh subsidiari dan ini menyebabkan objektif pelaksanaannya tidak tercapai. Kelemahan pemantauan oleh pihak pengurusan menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan penjimatan serta pengurangan kos bil elektrik tidak dapat dimanfaatkan oleh Kampus Kuantan dan Gombak.

Projek Tidak Memberi Pulangan kepada Pihak Berkepentingan	52. Pengurusan Projek Rehat & Rawat (R&R) Gombak: Pada 19 September 2017, Lembaga Gabenor IIUM meluluskan cadangan dikemukakan oleh iProperties dalam Mesyuarat Jawatankuasa Presiden bertarikh 10 Ogos 2016 berhubung pembangunan Projek R&R Gombak. Seterusnya pada 14 Disember 2018, IHSB telah mengeluarkan surat tawaran kepada iProperties untuk cadangan meroboh dan membangun semula Kompleks R&R Gombak dengan kos berjumlah RM33.31 juta. 53. Semakan Audit mendapati projek ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.04 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Mengikut minit Mesyuarat Lembaga Pengarah IHSB bertarikh 17 Januari 2020, mesyuarat memutuskan untuk tidak meneruskan projek tersebut. Keputusan ini dibuat berdasarkan surat Lembaga Lebuhraya Malaysia bertarikh 23 Ogos 2019 yang menyatakan tiada kebenaran meroboh bangunan diberikan kerana kelulusan hanya untuk pembinaan akses ke tapak pembangunan R&R di dalam lokasi milik IIUM. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 20.
--	---

Jadual 20: Kos Projek R&R Gombak Bagi Tahun 2017 Hingga 2020

BIL.	PERIHAL	JUMLAH (RM Juta)
KONTRAK ASAL – KERJA AWALAN		
1.	Perbelanjaan pra pembangunan • Traffic Impact Assessment • Soil Investigation • Road and Safety Audit • Geological	0.20
2.	Yuran perunding projek	0.65
3.	Yuran proses	0.24
4.	Kerja awalan dan kerja tanah	1.00
5.	Kerja-kerja perlindungan cerun	1.10
6.	Bayaran perunding untuk kerja-kerja perlindungan cerun	0.06
JUMLAH KECIL		3.25
TUNTUTAN KERUGIAN DAN PERBELANJAAN – PENAMATAN KONTRAK		
1.	Tuntutan perbelanjaan akibat penamatan kontraktor	0.76
2.	Yuran guaman atas penamatan kontraktor	0.03
JUMLAH KECIL		0.79
JUMLAH KESELURUHAN		4.04

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan iProperties bertarikh 13 April 2023

Maklum balas IIUM	Bagi memastikan perancangan projek selepas ini dilaksanakan secara teliti dan menyeluruh, Lembaga Pengarah dan pengurusan baharu IHSB telah mewujudkan tadbir urus yang lebih teratur di mana semua projek oleh subsidiari akan dipantau oleh IHSB.
--------------------------	---

Pendapat Audit Perancangan yang tidak teliti menyebabkan Projek R&R Gombak dengan perbelanjaan yang dibuat berjumlah RM4.04 juta tidak dapat diteruskan. Ketidakecapan pelaksanaan projek ini menyebabkan tujuannya tidak dapat dicapai dan subsidiari IIUM menanggung kos terlibat tanpa mendapat pulangan yang disasarkan.

TADBIR URUS KORPORAT 54. Enam daripada lapan elemen diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Pengerusi, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, KPI dan Jawatankuasa Audit. Manakala **dua elemen lagi tidak diamalkan sepenuhnya**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

Jadual 21: Penemuan Audit Berkaitan Tadbir Urus Korporat

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
SOP Syarikat	MKD Handbook perenggan 1.9 (c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28.	Manual Polisi dan Prosedur Kewangan IIUM tidak meliputi proses kerja kewangan seperti semakan baucar bayaran dana endowmen.
Audit Dalaman	MCCG 2021 panduan G11.1.	Audit Dalam IIUM tidak melaksanakan pengauditan dana endowmen dan projek pembangunan yang tertangguh bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas IIUM Unit Dana Endowmen akan menyediakan proses kerja pindahan dana endowmen daripada unit ini kepada PTJ bagi tujuan penyelidikan. Mengikut Rancangan Audit Tahun 2024, Audit Dalam IIUM akan menjalankan pengauditan Projek PFI di Kampus Kuantan dan CFS.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat IIUM adalah memuaskan.

RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT 55. Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, IIUM telah mencapai objektif menawarkan program asasi, prasiswazah dan pascasiswazah dengan berjaya menghasilkan seramai 81,767 graduan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2022 serta telah memberi bantuan kewangan kepada 33,381 pelajar bagi tempoh tahun 2013 hingga 2022. Objektif penubuhan yang lain untuk menyediakan dewan kuliah, bangunan dan kemudahan penjagaan kesihatan belum tercapai sepenuhnya antaranya kerana projek lewat disiapkan dan fasiliti serta peralatan perubatan tidak digunakan secara optimum.

56. Terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pembangunan projek yang diuruskan serta tiada perancangan teliti daripada pihak pengurusan untuk menjana pendapatan melalui hartanah yang dimiliki dan aktiviti subsidiarinya. Kedudukan kewangan IIUM kurang stabil dengan kekurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022 dan bergantung kepada

geran Kerajaan. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan.

SYOR AUDIT

57. Pengurusan IIUM hendaklah mempertingkatkan daya saing IIUM sebagai universiti tempatan yang berwibawa dengan menjana pendapatan melalui yuran pengajian atau fasiliti;

58. Pengurusan IIUM perlu mempertingkatkan strategi sewaan hartanah kosong bagi tujuan menjana pendapatan dalaman universiti;

59. Pengurusan IIUM hendaklah memperkemaskan polisi bayaran yuran pengajian, dana endowmen dan FMS;

60. Pengurusan IIUM perlu memastikan Projek RMK disiapkan dalam tempoh ditetapkan;

61. Pengurusan IIUM hendaklah menambah baik klausa perjanjian konsesi dan FMS bagi menjaga kepentingan universiti;

62. Lembaga Gabenor IIUM hendaklah memastikan keputusan pematuhan Akta 586 dimuktamadkan dengan segera agar pengguna dapat memanfaatkan fasiliti kesihatan yang disediakan serta memantapkan amalan tadbir urus seperti SOP syarikat dan Audit Dalaman; dan

63. Lembaga Gabenor IIUM perlu memastikan subsidiari membayar dividen selaras dengan polisi IIUM dan memastikan pengurusan projek dipantau secara menyeluruh.

OBJEKTIF, SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

OBJEKTIF PENGAUDITAN	1. Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan IIUM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran; projek pembangunan dan infrastruktur serta kemudahan kampus dengan cekap dan berkesan; kedudukan kewangan syarikat kukuh dan amalan tadbir urus korporat yang baik. Selain itu, pengauditan turut menilai prestasi pelaburan IIUM ke dalam subsidiari dan pengurusan projek oleh subsidiari sama ada diuruskan dengan cekap dan berkesan.
SKOP PENGAUDITAN	2. Pengauditan ini melibatkan penilaian aktiviti utama IIUM bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. 3. Penilaian prestasi aktiviti IIUM meliputi empat aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran; projek pembangunan dan infrastruktur; kemudahan kampus serta kedudukan kewangan. Penilaian pengurusan aktiviti IIUM merangkumi tiga aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran; projek pembangunan dan infrastruktur serta perkhidmatan pengurusan fasiliti. Pemantauan aktiviti subsidiari meliputi dua aspek iaitu prestasi pelaburan IIUM ke dalam subsidiari dan pengurusan projek oleh subsidiari. 4. Kedudukan kewangan pula dinilai berdasarkan analisis terhadap penyata kewangan beraudit IIUM tahun 2020, 2021 dan 2022. 5. Pengauditan melibatkan penilaian terhadap lapan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Hala Tuju dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); SOP syarikat; Jawatankuasa Audit serta Audit Dalaman bagi tempoh tahun 2019 hingga Julai 2023. Satu elemen lain iaitu Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan tidak diaudit kerana tidak berkaitan dengan IIUM yang merupakan syarikat berhad menurut jaminan.

**METODOLOGI
PENGAUDITAN**

6. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan IIUM dan subsidiari serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

7. Penilaian prestasi kewangan melibatkan kedudukan kewangan; analisis prestasi geran; analisis prestasi dana amanah dan analisis prestasi dana endowmen. Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan mengikut penyata kewangan IIUM yang diaudit oleh Tetuan Idris Ibrahim & Co. pada tahun 2020 dan Tetuan KPMG PLT. pada tahun 2021 serta 2022.

8. Pemeriksaan fizikal di lokasi aktiviti melibatkan perkhidmatan pengurusan fasiliti dijalankan di Kampus Gombak; Centre for Foundation Studies Fasa 3 dan Hospital Pengajar Sultan Ahmad Shah Medical Centre.
